



ARCA

PERCUMA • ISSN 1825-982X • EDISI 8 • JULAI 2014

Buletin Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak



ANUGERAH PEGAWAI CONTOH 2013
KATEGORI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI



Uraian: 38 Tahun
Kategori: Bilangan
Jawatan: Akauntan Negeri, VGT
Jabatan: Jabatan Perbendaharaan
Negeri Sarawak

ANUGERAH PEGAWAI CONTOH 2013
KATEGORI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI



www.treasury.sarawak.gov.my



Sidang Editorial

Penaung

Jumastapha Bin Lamat
Akauntan Negeri

Penasihat

Hjh. Elean Bt Hj. Masa'at
Timbalan Akauntan Negeri

Ketua Editor

Raca Mulong
Pegawai Tadbir

Juru Foto

Mathdir B Rosli
Pembantu Tadbir

Ahli

Haslinda Bt Abdul Ghani
Akauntan

Khadijah Khaider
Setiausaha Pejabat

Norhalizah Jali
Pem. Tadbir (Kewangan)

Najwa 'Illiani Bt Jahiden
Pem. Tadbir (Kewangan)

Cyrine Tipi
Shreeza Colony
LPKS

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
<http://www.treasury.sarawak.gov.my>

Ruangam Editor 2014

Nota Penasihat ARCA



Salam 1 Malaysia dan salam 1 Perbendaharaan. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menjadi Penasihat Arca keluaran yang ke-8 ini. Tahniah dan syabas kepada pasukan editorial yang diketuai oleh En. Raca Mulong kerana telah berusaha dengan gigih dan penuh dedikasi untuk menyiapkan edisi kali ini.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2013 dengan kerjasama semua kakitangan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak. Kebanyakan aktiviti yang dianjurkan bermatlamat untuk berkongsi berkaitan aktiviti-aktiviti jabatan sepanjang tahun 2013 bersama pelanggan mahupun kakitangan JPNS sendiri. Antara Aktiviti utama yang telah dijalankan ialah penyertaan AKMS dalam dua kategori.

Atas usaha gigih dan kerjasama setiap warga JPNS, Jabatan kita telah dianugerahkan Anugerah Perak Ketua Menteri Sarawak 2013 dan Johan untuk perkhidmatan Kaunter Cemerlang (PB Kuching). **TAHNIAH !** diucapkan kepada semua warga JPNS.

Akhir Kata, saya yakin jabatan kita mampu menambah lagi inisiatif agar dapat menyampaikan perkhidmatan yang lebih cemerlang selaras visi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak iaitu 'A World Class Civil Service'. Selamat Maju Jaya.

HAJAH ELEAN BT HAJI MASA'AT
Penasihat ARCA Merangkap
Timbalan Akauntan Negeri Sarawak

Intisari ARCA

m/s 2 RUANGAN EDITOR

m/s 3 - 4 Amanat Akauntan Negeri Sarawak

m/s 5 Pencapaian JPNS

m/s 6 Kronologi Peristiwa Jan - Dis 2013

m/s 7 - 12 Pegawai Contoh JPNS

m/s 13 - 16 Pencapaian Kualiti JPNS

m/s 18 Pegawai Bersara 2014

m/s 19 Penerima APC

m/s 20 Artikel Menarik

m/s 20 Diari 2014

Datu Jumastapha Bin Lamat *Akauntan Negeri Sarawak*



Kata-kata Aluan dari *Akauntan Negeri Sarawak*

*A*ssalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam 1 Perbendaharaan. Terima kasih kerana memberi saya kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam penerbitan Majalah ARCA edisi yang ke-8 ini.

Tahniah dan syabas saya rakamkan kepada Sidang Redaksi yang masih lagi diketuai oleh Encik Raca Mulong atas segala inisiatif, komitmen dan kesungguhan sehingga berjaya menerbitkan majalah ARCA ini. Penerbitan ini merupakan manifesto bahawa Jabatan kita sentiasa komited, bertanggungjawab dan amanah dalam mengurus tugas seharian kita. Segala usaha murni penerbitan majalah ARCA ini amatlah dihargai.

Tahun 2013 telah mencatat banyak kenangan manis buat jabatan. Sebagai rekod, beberapa kejayaan telah ditempa sepanjang tahun 2013 yang membanggakan jabatan. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. **Excellence Award** - International Convention Quality Control Circle, Taipei, Taiwan pada 22-25 Oktober 2013.
- ii. **Tempat Ke-3** - MPC KIK National Convention yang diadakan di Negeri Pahang pada 1-3 Oktober 2013.
- iii. **Anugerah 3 Bintang** - Quality Environment/5S Peringkat Kebangsaan di Negeri Pahang pada 1-3 Oktober 2013.
- iv. **Anugerah 4 Bintang** - Indeks Akauntabiliti pada 24 November 2013.
- v. **Top 5** - Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) Tahun 2013 Peringkat Kebangsaan.
- vi. **Tempat Ke-2** - Anugerah Kualiti Ketua Menteri Sarawak Tahun 2013
- vii. **Johan** - Anugerah Perkhidmatan Kaunter Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2013.



Saya dengan bangganya ingin memaklumkan juga kita telah berjaya menyerahkan Akaun Kewangan Negeri Tahun 2013 kepada pihak Audit Negara tepat pada 28 Februari 2014 sesuai dengan piagam pelanggan kita. Ini satu kejayaan besar sebab ini mengatasi prestasi kita untuk menyerahkan Akaun Tahun 2012 kita sebelum itu.

Untuk tahun 2014 pula, kita telah mengambil keputusan untuk mengambil bahagian dalam 3 pertandingan penting iaitu:

- i. Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan anjuran Kementerian Kewangan Persekutuan;
- ii. Pertandingan KIK di Colombo, Sri Lanka; dan
- iii. Pertandingan KIK Peringkat Zon.

Kita juga melaksanakan beberapa projek seperti High Performance Team (HPT), Key Focus Activity (KFA), Birokrasi Sifar dan "Paradox of Delegation". Saya berharap setiap pegawai yang telah diberi mandat untuk projek tersebut akan memberi kerjasama untuk kita mencapai objektif projek yang tersenarai.

Akhir kata, saya yakin majalah ARCA ini mampu dimanfaatkan oleh seluruh warga Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak. Marilah kita bersama-sama bersatu tekad untuk menjadi 'Perbendaharaan Contoh Sektor Awam Malaysia'.

Sekian, terima kasih.

Pencapaian KIK 2013

Peringkat Antarabangsa

EXCELLENT AWARD

Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) SKIP daripada Ibu Pejabat Jabatan telah mendapat "Excellent Award" pada pertandingan Konvensyen QCC Peringkat Antarabangsa (ICQCC) 2013 yang telah berlangsung pada 22 – 25 Oktober 2013 bertempat di Taipei International Convention Center (TICC).

Peringkat Kebangsaan

TEMPAT KETIGA

Kumpulan KIK DO-IT daripada Perbendaharaan Bahagian Samarahan telah berjaya meraih tempat Ke-3 seterusnya antara 10 kumpulan terbaik dan mendapat 3 bintang (Emas) dalam APIC Peringkat Kebangsaan 2013 Anjuran MPC di Gambang Resort, Kuantan, Pahang pada 1-3 Oktober 2013.

Peringkat Wilayah Sabah/Sarawak

ANUGERAH EMAS

Kumpulan DO-IT daripada Perbendaharaan Bahagian Samarahan telah mendapat Anugerah Emas pada Regional Convention On Team Excellence Peringkat Wilayah Sabah Sarawak Tahun 2013 yang telah diadakan di Hotel Pacific Sutera, Kota Kinabalu, Sabah pada 3-4 Julai 2013

Peringkat Zon

NAIB JOHAN

Kumpulan DO-IT daripada Perbendaharaan Bahagian Samarahan telah mendapat Naib Johan Kategori Pengurusan pada Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Peringkat Zon Selatan Tahun 2013.

Kronologi Peristiwa

Refleksi 1 Perbendaharaan (Januari 2013)

Tarikh: 09.01.13 di Ruang legar Menara Pelita

JANUARI

- Perhimpunan Bulanan 1/2013 bagi staf Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak pada 9 Januari 2013.
- Mengucapkan Selamat Tahun Baru 2013 kepada semua pegawai dengan harapan Tahun 2013 ini akan menyediakan peluang dan hasil-hasil yang mampu mengharum nama Jabatan.
- Rancangan dan projek yang akan dilaksana dalam tahun 2013 hendaklah ditangani dengan persepsi yang positif dalam isu yang hendak diselesaikan dan diatasi.



FEBRUARI

Hari Agenda Perbendaharaan 2012/2013

Tarikh: 02-03.02.2013 di One Hotel Santubong

- Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah mengadakan Hari Agenda Perbendaharaan 2012/2013 serentak dengan sambutan Hari Keluarga telah diadakan pada 2-3 Februari 2013 bertempat di One Hotel, Santubong. Agenda Perbendaharaan ini bertujuan untuk membentangkan Pelan Strategik 2013-2014 dan pencapaian Pelan Strategik bagi tahun 2012.
- Turut diadakan Hari Inovasi bagi Jawatankuasa Kualiti seperti pengumuman dan pemberian hadiah bagi Seksyen Terbaik dalam amalan 5S. Jawatankuasa 6Ps telah memberikan hadiah hari jadi kepada wakil Perbendaharaan Bahagian untuk staf yang menyambut hari Jadi. Jawatankuasa KIK mempersembahkan secara ringkas projek KIK masing-masing.



MAC

Lawatan Kualiti oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Tarikh: 06.03.2013 di Bilik Persidangan Tkt. 11, Menara Pelita

- Pada 6 Mac 2013, YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat kunjungan kualiti ke 4 buah jabatan di Menara Pelita termasuk Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.



Lawatan oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Tarikh:

APRIL

- Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak menerima kunjungan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) ke Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak yang diketuai oleh Tuan Haji Samsudin Bin Hassan, Timbalan Pengurus Besar KEJORA.



MEI

Mesyuarat Agung Tahunan KOHAB

Tarikh: 20.05.2013 di Dewan Persidangan Utama, Tkt 21, Menara Pelita

- Koperasi Harapan Berhad (KOHAB) Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-12 pada 20 Mei 2013 yang dihadiri oleh seramai 100 orang ahli. Mesyuarat Agung ini telah diadakan di Dewan Persidangan Utama, Tingkat 21 Menara Pelita. Selain daripada isu-isu diketengahkan. Mesyuarat Agung Tahunan Ke-12 ini juga bertujuan untuk memilih 4 orang anggota Lembaga baru bagi mengisi jawatan yang dikosongkan mengikut giliran oleh Ahli Lembaga Koperasi.

JUN

Majlis Sambutan Hari Gawai JPNS

Tarikh: 21.06.2013 di Bilik Persidangan Tkt. 11, Menara Pelita

- Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Gawai untuk semua staf pada 21 Jun 2013.

JULAI

Regional Convention On Team Excellence

Tarikh: 03-04.07.2013 di Hotel Pacific Sutera, Sabah

- Kumpulan ICC DO-IT daripada Perbendaharaan Bahagian Samarahan dan Kumpulan QE/5S daripada Ibu Pejabat Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah berjaya meraih Anugerah Emas pada 'Regional Convention On Team Excellence' Wilayah Sabah Sarawak Tahun 2013. Konvensyen ini telah diadakan di Hotel Pacific Sutera, Kota Kinabalu Sabah pada 3-4 Julai dan Konvensyen ini telah dianjurkan oleh pihak Malaysian Productivity Corporation (MPC).

OGOS

Bengkel Pemantapan Pengetahuan & Kemahiran JPNS

Tarikh: 24-25.08.2013 di Bintulu

- Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah mengadakan Bengkel Pemantapan Pengetahuan dan Kemahiran pada 24-25 Ogos 2013 bertempat di Bintulu, Sarawak. Bengkel ini diadakan untuk semua pegawai Perbendaharaan Negeri Bahagian di Zon Utara iaitu Miri, Bintulu dan Limbang.

Kronologi Peristiwa

SEPTEMBER

Perbarisan Sempena Hari Lahir TYT Tarikh: 14.09.2013 di Stadium Negeri Sarawak

- Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah menghantar seramai 40 orang staf bagi menyertai Perbarisan sempena Hari Lahir TYT pada 14 September 2013 bertempat di Stadium Negeri, Sarawak.



Sukan Dwitahunan Pejabat Kewangan & Perbendaharaan Negeri SeMalaysia Tarikh: 07-29.09.2013 di Kelantan



- Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak bersama dengan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak telah menyertai Sukan Dwitahunan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Se-Malaysia di Kelantan pada 7-12 September 2013.

OKTOBER

Konvensyen QCC Peringkat Antarabangsa 2013 Tarikh: 22-25.10.2013 di Taiwan



- Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) SKIP daripada Ibu Pejabat Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah menyertai pertandingan Konvensyen QCC Peringkat Antarabangsa (ICQCC) 2013 yang telah berlangsung pada 22 – 25 Oktober 2013 bertempat di Taipei International Convention Center (TICC).

Lawatan oleh Panel Penilai AKPANS ke JPNS

Tarikh: 01.11.2013 di Bilik Persidangan Tkt. 11, Menara Pelita

- Panel Penilai Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) telah mengadakan lawatan tapak ke ibu pejabat, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak pada 1hb November 2013 yang lepas. Rombongan panel AKPANS diketuai oleh Encik Mohd. Shahabuddin Omar, Pengarah MAMPU Cawangan Sarawak.
- Seramai 8 orang panel AKPANS ini telah dibawa untuk sesi taklimat yang disampaikan oleh Akauntan Negeri Sarawak, Encik Jumastapha Bin Lamat. Lawatan ini amat berharga kepada Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak kerana telah terpilih antara agensi untuk penilaian akhir.



Lawatan oleh Akademi Kastam DiRaja Malaysia, Melaka

Tarikh: 21.11.2013 di Bilik Persidangan Tkt. 11, Menara Pelita

- Pada 21 November 2013 lalu, Perbendaharaan Negeri Sarawak telah menerima kunjungan daripada Akademi Kastam DiRaja Malaysia, Melaka. Delegasi seramai 25 orang ini telah diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademi Kastam DiRaja Malaysia Melaka, Tuan Roslan.



Majlis Jamuan Penghargaan Tarikh: 13.12.2013 di Bilik Persidangan Tkt. 11, Menara Pelita

- Pada 13 Disember 2013 yang lalu, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah mengadakan majlis Penghargaan atas kejayaan meraih tempat ke-2 untuk pertandingan AKPANS. Jamuan penghargaan telah dijalankan serentak di Ibu Pejabat dan semua Perbendaharaan Bahagian.

Akauntan Negeri Menerima Anugerah Pegawai Contoh 2013 Tarikh: 10.12.2013 di Borneo Convention Centre Kuching

- Tahniah kepada Akauntan Negeri Sarawak, Encik Jumastapha Bin Lamat di atas penganugerahan Pegawai Contoh 2013 bagi kategori Kumpulan Pengurusan Tertinggi sempena Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2013 yang diadakan pada 10hb Disember 2013 di Borneo Convention Centre Kuching.



Soalan Temuramah bersama En. Jos Jawa



- Pegawai Contoh 2013 (Kategori Kumpulan Pelaksana I)

1. **Bila dilahirkan dan di mana?**

Saya dilahirkan pada 05 Mei 1959 di Oya, Sibul.

2. **Boleh ceritakan secara ringkas latar belakang keluarga?**

Saya telah berkahwin pada 04 Januari 1984 dengan Puan Mendong Edward Tawi dan mempunyai 2 orang cahaya mata.

3. **Boleh ceritakan tentang latar belakang pendidikan dan apakah cita-cita tuan pada masa tersebut?**

Saya mendapat pendidikan sehingga tingkatan 3 pada 1975, iaitu Sarawak Junior Certificate dan mengambil peperiksaan Single Subject di peringkat SPM. Cita-cita saya di masa tersebut ialah sebagai seorang guru.

4. **Boleh kongsikan tentang kerjaya tuan sepanjang tuan bekerja (swasta & sektor awam) dan jawatan yang disandang?**

- Mula bekerja di Perkhidmatan Awam pada 04 Mei 1978 sebagai Time Keeper Tally Clerk Gred D11 di JKR MRCU 10, Niah hingga 5 Disember 1982.
- Menerima tawaran kenaikan pangkat sebagai kerani C11 dan melapor diri ke Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri Sarawak pada 6 Disember 1982.
- Menerima tawaran kenaikan pangkat sebagai Pembantu Tadbir Kewangan W22 pada 30 April 2007 hingga sekarang dan bertugas di Perbendaharaan Bahagian Samarahan.
- Menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2003, 2006 dan 2010.
- Menerima Anugerah Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) pada 2001.
- Menerima Anugerah Pingat Perkhidmatan Tertinggi (PPT) pada 2005.
- Ahli Kumpulan DO-IT Samarahan (KIK) sebagai Fasilitator dan akan bersama kumpulan DO-IT mewakili Kerajaan Negeri Sarawak dan Negara Malaysia Ke International Convention On QC Circle (ICQCC) 2014 – Colombo Sri Lanka pada 12 hingga 15 Oktober 2014.
- Pengerusi 5S di Perbendaharaan Negeri Bahagian Samarahan.

- Ahli Lembaga Koperasi (KOHAB) untuk penggal 2012 hingga 2014.
- Pernah memegang jawatan Presiden Kelab KESTURI pada tahun 2003 hingga 2007 semasa bertugas di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri Sarawak.

5. **Tuan telah dianugerahkan sebagai pegawai contoh JPNS bagi tahun 2013. Apakah perasaan tuan dan apakah ciri-ciri yang perlu ada untuk berjaya hingga ke tahap sekarang?**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada pihak atasan di atas pengiktirafan anugerah-anugerah ini sepanjang saya berkhidmat dalam organisasi ini.

Sebagai seorang penjawat awam kita perlu sentiasa mengikut arahan-arahan yang diberikan oleh ketua jabatan/ketua pejabat dari semasa ke semasa.

Kita perlu mengutamakan tatatertib yang baik, sentiasa berfikir positif dan terbuka untuk mendapat ilmu serta menerima pandangan/teguran Ketua Pejabat dan sentiasa berkongsi ilmu pengetahuan dengan rakan sekerja semasa menjalankan tugas harian.

6. **Sebagai Pembantu Tadbir W22, bagaimana tuan membantu rakan sekerja yang kurang motivasi dalam kerja dan bagaimana tuan menjaga hubungan baik dengan rakan sekerja di PB mahupun HQ?**

Saya akan membimbing dan memberi nasihat berdasarkan pengalaman saya kepada rakan sekerja yang baru dan lama dalam urusan kerja seharian.

Kita perlu sentiasa berfikir terbuka dalam membuat keputusan supaya apa yang kita rancangkan mendatangkan hasil yang baik dan tidak menyinggung perasaan akan sekerja.

7. **Soalan yang terakhir tuan, apakah tuan berpuas hati dengan pencapaian tuan sehingga kini?**

Saya sangat berpuas hati dengan pencapaian saya sekarang dan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu dan kualiti kerja dalam usaha membantu organisasi untuk mencapai wawasan, misi dan visi jabatan.

Soalan Temuramah bersama En. Hassan bin Ahmad



- Pegawai Contoh 2013 (Kategori Kumpulan Pelaksana II)

1. Bila dilahirkan dan di mana?

Saya dilahirkan pada 26.08.1971 di Hospital Umum Sarawak.

2. Boleh ceritakan secara ringkas latar belakang keluarga?

Saya berasal dr Kampung Bintawa, Kuching dan merupakan anak yang sulung dari 5 orang adik-beradik. Setelah berkahwin, kini saya menetap di Bandar Baru Semariang, dan telah dikurniakan 3 orang cahaya mata iaitu 2 lelaki dan seorang perempuan.

3. Boleh ceritakan tentang latar belakang pendidikan dan apakah cita-cita tuan pada masa tersebut?

Saya mendapat pendidikan awal di SRK Matu di Bintawa dari tahun 1978 hingga 1983 dan kemudiannya menyambung pelajaran ke Tingkatan 1 hingga 5 di SMK Bandar Kuching No.2 di Bintawa dari tahun 1984 hingga 1988.

Sebenarnya pada masa kecil, saya bercita-cita hendak menjadi seorang anggota polis kerana bidang ini amat mencabar terutamanya dalam menjaga keamanan dan kemakmuran Negara.

4. Boleh kongsi tentang kerjaya tuan sepanjang tuan bekerja (swasta & sektor awam) dan jawatan yang disandang?

Saya mula bekerja di usia 19 tahun bermula tahun 1990 hingga 1992 di Kilang Setri di Jalan Bintawa, Kuching. Saya bermula sebagai Pembantu Am Rendah (office boy) sebelum dinaikkan pangkat sebagai Penyelia (supervisor) di kilang tersebut. Seterusnya pada tahun 1993 hingga kini, saya bekerja sebagai penjawat awam Negeri Sarawak dengan jawatan Pemandu Kenderaan Bermotor gred R6. Saya bekerja di Jabatan Ketua Menteri, Unit Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Korporat dari tahun 1993 hingga 2001, kemudiannya di pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dari tahun 2002 hingga 2004 dan seterusnya di pejabat Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dari tahun 2005 hingga kini.

5. Tuan telah dianugerahkan sebagai pegawai contoh JPNS bagi tahun 2013. Apakah perasaan tuan dan apakah ciri-ciri yang perlu ada untuk berjaya hingga ke tahap sekarang?

Sejujurnya saya sungguh tidak menyangka akan penganugerahan yang telah diberikan oleh pejabat ini kerana ianya sesuatu yang tidak pernah saya harapkan. Namun begitu saya juga amat gembira kerana secara tidak langsung penganugerahan ini menjadikan saya lebih bersemangat dalam menjalankan tugas harian.

Bagi saya, ciri-ciri yang harus ada pada semua penjawat awam, yang utamanya adalah disiplin diri dan pandai menguruskan masa. Jika kita tidak fokus dengan kerja dan suka melengahkan masa dalam menjalankan tugas memang sukar untuk kita menyiapkan setiap tugas harian yang perlu kita hadapi setiap hari dan kadangkala kita perlu memotivasikan diri sendiri supaya stamina atau semangat untuk bekerja itu ada, kerana setiap perbuatan yang kita lakukan itu akan memberikan impak yang besar kepada kerjaya kita di masa depan disamping menjaga imej jabatan. Dan satu lagi adalah konsisten dari segi kerja, bermaksud kita sentiasa berusaha memberikan yang terbaik kepada jabatan tidak kiralah kita di gred manapun kerana semuanya memainkan peranan masing-masing.

6. Soalan yang terakhir tuan, adakah tuan berpuas hati dengan pencapaian tuan sehingga kini?

Hendak berpuas hati, semua manusia memang tidak pernah puas. Saya semestinya hendakkan yang lebih baik, kerana kalau kita dah berpuas hati dengan apa yang kita ada, kita tidak akan cuba untuk meningkatkan diri kepada yang lebih baik. Jadi walau semuda atau setua mana kita dan tidak kira kita di Gred manapun, kita mesti kena ada tujuan untuk dicapai kerana banyak lagi benda yang kita boleh buat selagi hayat dikandung badan.

PENCAPAIAN KUALITI JPNS

Sijil Pengiktirafan Amalan Persekitaran Berkualiti

Perbendaharaan Negeri Sarawak (Ibu Pejabat) telah mendapat Pembaharuan Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti bagi tahun 2013/2014 oleh pihak MPC.

Anugerah Emas (QE/5S)

Jawatankuasa 5S daripada Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri Sarawak telah mendapat Anugerah Emas untuk pertandingan QE/5S pada Regional Convention On Team Excellence Peringkat Wilayah Sabah Sarawak Tahun 2013 yang telah diadakan di Hotel Pacific Sutera, Kota Kinabalu, Sabah pada 3-4 Julai 2013.

Kumpulan QE/5S Mendapat 3 Bintang Dalam Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2013 Anjuran MPC

Jawatankuasa Induk 5S Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah berjaya mendapat 3 Bintang (Emas) dalam APIC Peringkat Kebangsaan 2013 Anjuran MPC di Gambang Resort, Kuantan, Pahang pada 1-3 Oktober 2013.

Anugerah Perak Ketua Menteri Sarawak (AKMS) 2013



Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak mendapat Perak, Anugerah Ketua Menteri Sarawak (AKMS) 2013 sempena Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) pada Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2013 yang diadakan pada 10hb Disember 2013 di Borneo Convention Centre, Kuching



Johan untuk Anugerah Perkhidmatan Kaunter Cemerlang 2013

Perbendaharaan Bahagian Kuching telah mendapat Johan bagi Anugerah/Perkhidmatan Kaunter Cemerlang 2013 untuk Kategori Jabatan Kerajaan : Sub Kategori A, pada Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2013 yang diadakan pada 10hb Disember 2013 di Borneo Convention Centre, Kuching

5 Bintang Dalam Penilaian "Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2013"

Pegawai Bersara 2014

Nama Pegawai	Nama Pegawai
<p>Simon Bari Ak Brayan Pem. Tadbir (Kew), W22</p> 	<p>Halimah Bt Harip Pem. Tadbir (P/O), N17(KUP)</p> 
Perkara	Perkara
<p>a) Tarikh Bersara - 24.09.2014 b) Tempat Bertugas - Unit Hasil, Ibu Pejabat c) Tempoh Perkhidmatan - 38 Tahun</p>	<p>a) Tarikh Bersara - 17.10.2014 b) Tempat Bertugas - PB Miri c) Tempoh Perkhidmatan - 38 tahun</p>

Nama Pegawai	Nama Pegawai
<p>Changik Ak Andam Pem. Tadbir (Kew), W22</p> 	<p>Suhaili Bin Johari Pen. Akauntan, W32</p> 
Perkara	Perkara
<p>a) Tarikh Bersara – 31 Disember 2014 b) Tempat Bertugas – PB Sri Aman c) Tempoh Perkhidmatan – 41 tahun</p>	<p>a) Tarikh Bersara – 31 Disember 2014 b) Tempat Bertugas – Unit KWS, Ibu Pejabat c) Tempoh Perkhidmatan – 22 tahun</p>

**PENERIMA AUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK TAHUN 2012**



CHRISTOPHER DANAN BINJIE
(Seksyen Gaji)
Pem. Pen. Akauntan Negeri, W52



PETER BUYOK
(PB Limbang)
Akauntan, W41



SALMIAH BT. MAT
(PB Kapit)
Akauntan, W41



JOE GINIP
(PB Sarikei)
Pen. Akauntan, W32



DAYANG JAMILAH BT. ABANG MASAGUS
(Seksyen Akaun)
Pen. Akauntan, W32



MARZUKI UCHENG
(PB Kapit)
Pen. Akauntan, W32



KUEH LEE MENG
(Unit Pentadbiran)
Setiausaha Pejabat, N32



ZORINA BT. ACHIM
(PB Miri)
Pen. Akauntan, W32



ONG MEI KUAN
(Unit Hasil)
Pen. Akauntan, W27



SUMIYANTI BT. TOKIJAN
(PB Betong)
Pen. Akauntan, W27



MOHAMAD MONIR BIN SAIDEN
(Seksyen Inspektorat)
Pem. Tadbir (Kew), W17



JULIANA PONIS @ SILEM AK. LIMBOI
(Seksyen Gaji)
Pem. Tadbir (Kew), W17



ALICE JIMBAI @ SARIKA
(PB Sri Aman)
Pem. Tadbir, N22



DONNY DAHAN
(Unit Pinjaman Kakitangan)
Pem. Tadbir (Kew), W17



MAIRAH AK. AKAM
(Unit Perancangan)
Pem. Tadbir (Kew), W17



YASSIN BIN MOHAMAD
(PB Sibu)
Pem. Tadbir (Kew), W17



SHAFARIDAH BT. BUJANG
(PB Bintulu)
Pem. Tadbir (Kew), W17



MARY JOSEPHINE AK. GOM
(PB Kuching)
Pem. Tadbir (P/D), N17



LYDA AK. MAMBAI
(PB Samarahan)
Pem. Tadbir (Kew), W17



MUSA BIN JUBLI
(PB Mukah)
PAR, N1

8 TIPS YAKIN DIRI DI SAAT AKHIR

Anda menerima panggilan temuduga atau anda diarah untuk membuat pembentangan di hadapan pelanggan anda di saat akhir??? Pasti rasa gementar dan kurang keyakinan diri membelenggu diri anda??? Bagaimana?? adakah anda ingin teruskan atau menyerah kalah??? Banyak cara yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan kepercayaan diri anda dalam jangka panjang, namun kadang-kadang kita juga memerlukan langkah-langkah bagi meningkatkan rasa percaya diri dalam waktu yang singkat. Anda mungkin tidak mampu menghadapi pertemuan penting di saat-saat akhir tanpa persediaan.

Jadi di bawah ini ARCA cuba berkongsi kepada anda beberapa tips yang dapat meningkatkan rasa percaya diri anda dengan cepat mencapai kecemerlangan sebagai satu pasukan.

1. Tersenyum

Tersenyum merupakan tips pertama jika anda merasa gugup dan tidak percaya diri. Anda bukan hanya tersenyum apabila anda gembira dan percaya diri, sebaliknya anda boleh tersenyum untuk membuat diri anda rasa tenang. Tersenyum mempunyai hubungan erat dengan perasaan positif sehingga kita lupa perasaan gementar dalam diri.

Tersenyum bukan sekadar menunjukkan ekspresi pada wajah anda malah ianya melepaskan hormon endorphin yang membuat anda merasa lebih tenang, meningkatkan sirkulasi darah pada wajah anda serta menampakkan anda lebih percaya diri di hadapan orang lain ketika anda tersenyum.

2. Tatap mata

Tatap mata rakan-rakan anda atau pelanggan anda dan lontarkan senyuman dan pastimeraka akan membalas senyuman anda. Senyuman kembali yang diberikan orang lain dapat meningkatkan rasa percaya diri anda dengan cepat. Sama halnya seperti tersenyum, konteks mata menunjukkan bahawa anda percaya diri. Menatap objek-objek kaku seperti meja, pen mahupun kasut hanya mendorong perasaan anda menjadi ragu-ragu dan malu.

"eye contact" membantu anda untuk menghilangkan rasa takut jika anda apabila dengan umum. "Eye contact" juga membantu menarik minat pelanggan anda." (Confident Eye Contact, Unlimited Confidence)

3. Ubahlah Suara Dalam Diri Anda

Kebanyakan dari kita memiliki suara dalam diri yang mengatakan bahwa kita bodoh, tidak cukup mampu, gemuk, pendiam, dan lain-lain. Kemampuan merubah suara di dalam diri anda merupakan kunci untuk memperoleh kepercayaan diri dari dalam. Buat suara dalam diri anda menjadi pendorong yang paling mengenali anda dan mengetahui bakat anda, serta menginginkan anda untuk mencapai yang terbaik.

4. Tampil Kemas

Walaupun anda hanya memiliki masa yang singkat, ia tidak menghalang anda untuk tampil lebih kemas. Sikat rambut anda dan pastikan gigi anda bersih tanpa sebarang makanan lekat di celah celah gigi. Penampilan kemas amat membantu dalam meningkatkan keyakinan diri bagi tempoh yang singkat. Penampilan yang selekeh bukan sahaja melemahkan semangat dalam diri anda malah tidak member keyakinan yang tinggi kepada pelanggan anda mahupun penemuduga terhadap kebolehan anda.

5. Berdoalah

Seterusnya berdoa. Berdoalah kepada tuhan supaya dipermudahkan segala urusan. Berdoa merupakan perkara yang paling penting untuk menenangkan jiwa anda. Tarik nafas anda setelah membaca doa, pasti fikiran anda kan lebih tenang berbanding sebelumnya.

6. Atur Strategi

Dalam keadaan di saat-saat akhir, anda pasti buntu apa yang harus anda lakukan untuk memastikan segalanya teratur. Setelah anda baca doa tadi, tarik nafas dan duduk seketika. Atur strategi anda dalam keadaan rileks, pasti strategi yang dikehendaki dapat dicapai. Segalanya akan hancur jika anda berfikir dalam keadaan kelam kabut.

7. Bicaralah Perlahan

Satu lagi Tips untuk meningkatkan keyakinan diri di saat-saat akhir ialah bercakap dengan kelajuan yang sederhana. Jika anda terlalu perlahan, ia akan menampakkan banyak lagi kesilapan dalam pembentangan anda dan rasa gugup mudah mencelah dalam diri anda. Jika anda terlalu cepat, ia mungkin menselesaikan anda kerana anda akan lebih awal menghabiskan pembentangan tetapi tidakkah anda fikir mengenai pendengar anda? Adakah mereka memahami apa yang anda bentang? Bercakaplah sederhana dan beri ruang pendengar anda untuk memahami setiap perbincangan anda.

8. Ambil Bahagian

Adakah berdiam diri dalam satu perjumpaan membuat anda rasa lebih tenang? Pastinya tidak. Bawalah diri anda untuk menyertai setiap perbincangan. Jangan berdiam diri. Berdiam diri lebih membuatkan diri anda rasa terpercail dan tidak yakin.

HINDARI AMALAN NEGATIF !!!!!!!!!!!

Kejayaan sesebuah jabatan diraih hasil kerjasama dan usaha di antara majikan dan kakitangannya. Namun begitu, untuk mendapatkan kerjasama daripada pelbagai pihak bukanlah satu perkara yang mudah. Oleh itu, untuk edisi kali ini, ARCA ingin membawa pembaca untuk mengenalpasti amalan negatif yang perlu dihindari dalam sesebuah organisasi.

1. Beranggapan bahawa peranan dan tugas untuk memajukan organisasi hanya terletak sepenuhnya pada pihak pengurusan semata-mata.
2. Lambat dalam bertindak terhadap sebarang arahan kerana sikap suka bertangguh dalam kerja.
3. Menghadiri mesyuarat yang diadakan dengan keadaan diri tidak bersedia.
4. Tidak menghargai masa dan lewat tiba di perjumpaan atau mesyuarat yang diadakan.
5. AJK tidak mempunyai tanggungjawab atau portfolio secara jelas dan khusus. Peranan utama kebanyakannya adalah untuk memenuhi korum mesyuarat.
6. Keputusan mesyuarat tidak dikaji dan dilaksanakan seperti yang telah diputuskan dalam mesyuarat. Keputusan mesyuarat hanya difailkan tanpa ada pelaksanaan dan tindakan susulan bagi pelaksanaan keputusan mesyuarat tersebut. Tindakan susulan (post-mortem) adalah sangat mustahak bagi menentukan matlamat program adalah tercapai atau sebaliknya.
7. Beban pelaksanaan keputusan mesyuarat hanya tergalas pada bahu setiausaha sahaja.
8. Tidak mempunyai rekod keputusan mesyuarat dan rekod kegiatan. Perkara ini menjadi punca kepada masalah yang sama dan berterusan pada setiap kali diadakan mesyuarat dan perbincangan
9. Berlaku pengambilalihan tugas oleh orang yang tidak sepatutnya.
10. Beranggapan bahawa pimpinan adalah semata-mata pimpinan pada peringkat atas semata-mata, tidak merangkumi pimpinan peringkat bawah.
11. Sikap tidak patuh dan menghormati rakan rakan sepejabat.
12. Beranggapan bahawa jawatan yang disandang ialah alat bagi bermegah-megahan, bukan atas konsep amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.
13. Tidak mengutamakan kepentingan organisasi, sebaliknya lebih mengutamakan kepentingan individu.
14. Tidak menunjukkan minat, kesungguhan dan 'mood' yang baik semasa perjumpaan sesama ahli organisasi.
15. Tidak menghargai dan menghormati pandangan dan sumbangan ahli organisasi dan pekerja bawahan.
16. Tiada kemesraan, kasih sayang dan ukhuwwah dalam organisasi.
17. Tidak faham hala tuju perjuangan organisasi.

Adalah menjadi satu keperluan yang utama bagi kita untuk menghindari amalan-amalan negatif ini bagi memastikan usaha secara berorganisasi yang dilaksanakan bakal beroleh keberkatan dan memberikan kebaikan yang banyak. Sama ada kita sedar atau tidak, sebesar mana sekalipun kecacatan yang dilakukan dalam organisasi, jika perkara tersebut dibiarkan, luka dan kecacatan tersebut akan menjadi lebih buruk dan akhirnya melemahkan usaha yang diperjuangkan dalam membentuk jabatan yang cemerlang.



Diari 2014

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

JANUARI	FEBRUARI	MAR
<ul style="list-style-type: none"> Ceramah Kesihatan 	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan Strategik Jabatan 2014 	<ul style="list-style-type: none"> Latihan CACTUS Ceramah Bahasa
APRIL	MEI	JUN
<ul style="list-style-type: none"> Bengkel Pemantapan Pengetahuan Dan Kemahiran Dalam Perakaunan Dan Kewangan Zon Selatan Ceramah Integriti 	<ul style="list-style-type: none"> Kelas Bimbingan Peperiksaan Subjek Jabatan Sesi 1/2014 	<ul style="list-style-type: none"> Kursus Induksi Khusus Jabatan 2014 Taklimat HRMIS
JULAI	OGOS	SEPTEMBER
<ul style="list-style-type: none"> Taklimat 5S 	<ul style="list-style-type: none"> Taklimat QIT 	<ul style="list-style-type: none"> Randau Bersama Tenaga Pengajar Bagi Akauntan
OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
<ul style="list-style-type: none"> Kelas Bimbingan Peperiksaan Subjek Jabatan Sesi 2/2014 	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan Strategik Jabatan 2015 	<ul style="list-style-type: none"> Taklimat Kebersihan